

Perpaduan kaum di Malaysia dan model perpaduan Kelantan

Oleh AZIZ MUDA

PERBAHASAN Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada persidangan Dewan Negara 3 September lalu, sememangnya amat menarik kerana penuh dengan fakta-fakta yang baik dan bernes yang diketengahkan oleh Senator Ustazah Asmak Husin.

Berucap ketika mengambil bahagian dalam perbahasan usul itu, beliau mengetengahkan sembilan fakta yang cukup bernes untuk pertimbangan pihak kerajaan dan seluruh pihak yang bertanggungjawab demi kepentingan seluruh rakyat dan negara.

Antara fakta-fakta menarik yang diketengahkannya termasuk berhubung isu perpaduan dan beliau amat bersetuju dengan pandangan beberapa pakar yang berkaitan dengan hubungan etnik di negara ini pada hari ini, yang melihat isu perpaduan oleh banyak pihak secara simplistic atau secara mudah.

Maksudnya, kadang-kadang apabila dikatakan apakah program perpaduan yang dijalankan, banyak pihak menyarankan supaya program itu adalah program berbentuk fizikal, contohnya makan durian bersama-sama dan mengadakan rumah terbuka. Apabila selesai rumah terbuka itu, mereka balik ke rumah masing-masing tetapi sebenarnya isu perpaduan itu masih tidak selesa.

Menurut beliau, oleh sebab itu, beliau tertarik dengan isu di Kelantan iaitu negeri yang diwakilinya dan beliau sendiri juga telah membuat kajian serta satu artikel berkaitan dengan model perpaduan di Kelantan.

Katanya, di Kelantan terdapat satu penyelarasan yang dipanggil sebagai Pusat Integrasi Kaum yang terdiri daripada wakil Islam dan bukan Islam yang menyelaras pelbagai agensi di kerajaan negeri dan juga Persekutuan, yang melibatkan pelbagai kementerian berkaitan dengan perpaduan bukan Islam dan orang Islam.

Apa yang beliau tertarik adalah, contohnya, apabila pimpinan ingin turun ke program-program orang bukan Islam, mereka yang akan menasihati pimpinan tersebut sama ada patut turun atau tidak.

"Saya kata, "Macam mana awak tahu saya ini boleh turunkah tidak?" Dia kata, "Oh,



yang ini Yang Berhormat tidak boleh turun sebab ini upacara keagamaan kami", "Yang ini Yang Berhormat boleh turun sebab ini upacara adat."

"Jadi, maknanya mereka ini sudah sampai ke peringkat memahami betul-betul dan boleh tahu sebenarnya kita ini boleh pergi atau tidak boleh pergi. Dia juga yang menasihatkan bukan Islam ini. Menasihatkan kepada pengajar bukan Islam untuk sama ada membenarkan kita memanggil ataupun tidak dan sebagainya. Maknanya dia faham," katanya.

Beliau juga turut bertanya kepada wakil-wakil orang bukan Islam di negeri Kelantan, macam mana mereka boleh duduk dengan kerajaan Islam, sebab beliau sendiri berasa pelik dengan kejadian itu.

Sehubungan itu, beliau turut menjadi pengkaji lalu terus bertanya kepada wakil-wakil orang bukan Islam itu, "Sebenarnya macam mana awak ini boleh duduk dan faham konsep membangun bersama Islam? Ini kerana kalau saya bukan Islam, mungkin saya ini tidak faham."

Lalu wakil-wakil orang bukan Islam itu berkata, "Oh! Sebenarnya mudah sahaja dia kata YB, apabila Islam bangun, orang Melayu bangun, maka kita bangun juga."

"Saya pun terfikir, mudah sangat dia faham. Kita yang faham kompleks pula bagi pihak dia. Jadi, maknanya isu perpaduan ini kalau kita cerakin dan kita semaiakan secara betul-betul, maknanya kita akan memahami isu perpaduan, saling memahami di antara satu sama lain, bukan sahaja di luar secara fizikal tetapi sampai ke hati.

"Itu contoh di Kelantanlah dan mungkin ada contoh-contoh di negeri lain. Mungkin kalau negeri lain hendak panggil saya untuk buat kajian pun boleh, sebab saya ini suka mengkaji dan buat artikel," katanya.

Perpaduan berkaitan pola masyarakat baru

Meneruskan ucapannya,



Senator Ustazah Asmak Husin

Ustazah Asmak menyentuh pula isu perpaduan yang berkaitan dengan pola masyarakat baharu yang mula timbul di negara ini.

Sebelum ini, Malaysia dikenali sebagai "pola masyarakat pelbagai" kaum yang terdiri daripada Cina, Melayu, India, hasil daripada penjajahan dan sebagainya yang menyebabkan negara ini dihuni oleh pelbagai kaum tersebut, di samping etnik-ethnik lain.

Hari ini, pakar-pakar berkenaan tidak memanggil Malaysia sebagai pelbagai kaum itu lagi, tetapi dengan ciri-ciri kepelbagaian itu adalah pertama, melibatkan pelbagai individu dan kelompok yang berbeza dan rata-rata bersaiz kecil.

Migrasi berlaku lebih pantas daripada zaman koloni. Selalunya tidak terkawal, sama ada secara haram atau halal, tiba dengan pelbagai alasan, pelarian, pendatang haram, pelajar antarabangsa, ekspatriat, penyeludupan, perdagangan manusia dan aktiviti-aktiviti belakang tabir seperti pelacuran dan sebagainya.

Hendak tidak hendak pada hari ini, rakyat Malaysia khususnya orang Melayu bukan sekadar mungkin sudah boleh bercakap Cina, India, tetapi kalau tinggal di Selangor dan Wilayah Persekutuan contohnya, mereka akan turut bergaul dengan masyarakat Bangladesh, Nepal, Nigeria dan sebagainya.

Mereka membentuk budaya dalam masyarakat Malaysia. Contohnya, apabila rakyat Malaysia khususnya orang Melayu hendak pergi bermuamalah atau membeli belah, mereka kena belajar juga perkataan Bangladesh sekarang, baharulah boleh dapat barang

murah.

"Jadi, kena belajar juga sedikit-sedikit. Dia pun gembira dan bagi barang murah. Maknanya mereka ini secara tidak langsung bermuamalah dan bermasyarakat bersama dengan kita.

"Oleh kerana itu, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah Malaysia bersedia dengan transformasi masyarakat yang berubah daripada kepelbagaian kepada super kepelbagaian?" tanya beliau.

Ini kerana, kalau ia tidak ditangani, ia sebenarnya agak diversiti daripada segi budaya, bahasa, agama, sistem sosial dan lain-lain, tetapi apakah pelan kerajaan untuk menangani kewujudan masyarakat super kepelbagaian, dan juga bagaimana hendak menangani pelbagai kesan migrasi sama ada secara halal atau haram termasuk mengambil kira kewujudan super kepelbagaian masyarakat dalam proses perbandaran.

Perbandaran berkait rapat juga dengan polarisasi kaum. Bagaimana ingin memastikan setiap kaum yang ada di Malaysia, walaupun mereka yang berada di negara ini bukan daripada masyarakat majmuk yang asal itu, tetapi mungkin daripada Bangladesh, Indonesia dan sebagainya dan mereka berkahwin serta terus tinggal di negara ini, tetapi mereka menghormati Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan.

Perpaduan setelah pasca Covid-19

Meneruskan lagi ucapannya itu, beliau turut menyentuh isu perpaduan setelah pasca Covid-19, memandangkan kelihatan terdapat kecenderungan migrasi dari bandar ke luar bandar yang tinggi. Fenomena itu sebenarnya telah berlaku sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Menurut beliau, apakah persediaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar tentang perubahan pola masyarakat itu dan kemungkinan ia juga boleh memberi kesan kepada isu perpaduan kaum di negara ini.

"Selain daripada kuota perumahan bumiputera dan bukan bumiputera, apakah lagi yang dibangunkan untuk memastikan setiap perbandaran penempatan yang dibina ini mengambil kira isu perpaduan dan asimilasi penduduk agar semakin kukuh," tegas beliau.